

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN]

TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pelantikan ke jawatan tetap Pegawai-pegawai Perubatan (Gred UD41), Pegawai-pegawai Farmasi (Gred UF41) dan Pegawai-pegawai Pergigian (Gred UG41) yang dilanjutkan kontrak mereka selama 6 bulan pada tahun 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelanjutan kontrak selama enam (6) bulan bagi Pegawai Perubatan (Gred UD41), Pegawai Pergigian (Gred UG41) dan Pegawai Farmasi (Gred UF41) telah **dibuat pada tahun 2020** bagi **menyokong usaha** Kementerian Kesihatan memastikan kesinambungan perkhidmatan serta membantu membendung penularan wabak COVID-19. Sehingga kini, **tiada dalam kalangan** Pegawai Perubatan tersebut yang telah diberikan lantikan tetap memandangkan tiada kekosongan jawatan.

2. Sehingga 31 Julai 2020, seramai 19,909 Pegawai Perubatan yang telah dilantik secara kontrak di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan seramai 665 orang pegawai perubatan (3.3%) lantikan kontrak telah diberi pelantikan tetap.

3. Bagi Pegawai Pergigian pula, pelanjutan kontrak ini telah ditawarkan kepada **seramai 388 pegawai** yang telah tamat menjalani khidmat wajib selama tiga (3) tahun. Manakala **seramai 661** Pegawai Farmasi yang telah tamat menjalani latihan siswazah dan khidmat wajib dalam tempoh tiga (3) tahun juga turut ditawarkan pelanjutan kontrak yang sama.

Sekian, terima kasih.